

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(II)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

2. Setiap kali berlakunya bencana seperti ribut kuat, pasti ada berlaku kerosakan rumah-rumah di kampung-kampung atau taman-taman.
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri memberi latihan untuk menggunakan *drone* semasa buat siasatan?
  - (b) Adakah bayaran pampasan Tabung Bencana TYT masih ikut kadar 10% daripada jumlah kerosakan atau satu kadar minima dibayar?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. (a) Apabila berlaku bencana ribut, kerosakan rumah milik rakyat sering berlaku. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Bencana di peringkat Daerah (JPBD) akan segera turun kelapangan untuk memberikan bantuan segera keperluan asas (jika perlu) serta menjalankan siasatan jumlah keluarga / rumah yang terjejas, jenis kerosakan dan anggaran kos pembaikan termasuk mengambil gambar kerosakan dari luar dan dalam rumah. Oleh sebab itu penggunaan *drone* adalah tidak sesuai dan tidak digunakan untuk aktiviti tersebut.
- (b) Setakat ini, dasar Kerajaan Negeri adalah memberikan sumbangan untuk meringankan kesusahan mangsa yang terlibat dengan bencana alam atau musibah seperti ribut, pokok tumbang dan kebakaran melalui Tabung Bantuan Bencana TYT. Kadar yang digunakan adalah masih sama iaitu sepuluh peratus (10%) daripada anggaran kerosakan yang dilaporkan dan tidak melebihi RM5,000.00.

ID179/10